

# Pupuk setia negara

■ Belajar daripada sejarah lalu mampu tingkat jati diri

**HIT**  
Photovoltaic Module

Selagi matahari bersinar,  
pendapatan terus bertambah.

**Panasonic**

**L**angkah kerajaan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu dipuji.

Ini dilaksanakan dalam usaha mengingatkan pelajar dan rakyat betapa taat setia kepada negara bermula dari alam persekolahan lagi.

Ini penting bagi menanam semangat setia dan cinta kepada negara dalam diri pelajar sebaik mereka menyambung pelajaran ke luar negara.

Lihat saja laporan media seperti isu pegang pasport Taraf Kerakyatan Luar Britain (BOC). Hampir sebahagian mereka yang melepaskan kerakyatan Malaysia kini hidup menderita dan merempat kerana tidak mendapat kerakyatan warga negara United Kingdom (UK).

Taat setia kepada Malaysia gagal dipegang dan dihayati oleh golongan ini. Mereka gagal untuk mempertahankan jati diri warga negara yang diidamkan ramai warga asing lain.

Keamanan, perpaduan, keselamatan dan demokrasi berperlembagaan yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara dicontohi dunia tidak mampu menarik minat mereka untuk terus setia kepada negara. Hal ini

amat menyedihkan semua pihak.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sering mengingatkan rakyat supaya belajar daripada sejarah.

Ini penting bagi mengingatkan diri daripada membuat kesilapan sama seperti peristiwa Francis Light.

Kepercayaan pejuang kemerdekaan seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan ramai lagi dalam memperjuangkan kemerdekaan serta membangunkan negara perlu difahami dan dihayati oleh semua pihak.

Dr Mahathir juga pernah mengingatkan kita mengenai ungkapan ahli falsafah George Santayana: "Mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi kesilapan mereka berkali-kali."

Justeru, semua pihak perlu melihat kembali sejarah sebelum pasca merdeka sehingga sekarang dalam melakukan sebarang tindakan yang mampu menggugat kestabilan ekonomi, keamanan dan perpaduan di negara kita.

**Nur Nabila Zulkifli**  
**Universiti Sains Islam**  
**Malaysia (USIM), Nilai**

**FAKTA**  
Mereka yang lupa  
sejarah akan  
mengulangi  
kesilapan sama